

Manfaat teknologi digital elak tsunami ekonomi

Pandemik COVID-19 menyebabkan perniagaan dan perusahaan konvensional terjejas teruk, tetapi perniagaan dalam talian memperlihatkan senario luar biasa.

Mengambil contoh penjualan pada 11 November atau 11.11, dua gergasi e-dagang di China, Alibaba.com dan JD.com membuat transaksi penjualan bersama AS\$115 bilion (RM474.15 bilion) di platform e-dagang mereka.

Lebih mengejutkan, angka jualan Alibaba.com ketika COVID-19 pada tarikh itu jauh lebih tinggi, iaitu hampir sekali ganda berbanding transaksi penjualan pada 11 November 2019.

Malah, jumlah jualan mereka pada tarikh berkenaan lebih tinggi daripada keseluruhan Belanja

2021, iaitu RM322.5 bilion.

Jika dicampur peruntukan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) sekalipun, iaitu tambahan RM15 bilion menjadi RM337.5 bilion, angka itu masih rendah.

Justeru, pengenalan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dilancarkan 19 Februari lalu dan ditegaskan sekali lagi oleh Perdana Menteri, kelmarin amat bertepatan dengan situasi ekonomi negara tidak menentu ini.

Ditambah pula kadar pengangguran dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terkini yang kedua-duanya menunjukkan keadaan lebih buruk jika di-

bandingkan sebelumnya.

Sebagai perbandingan, kadar pengangguran negara naik kepada 4.8 peratus pada Disember berbanding September lalu, iaitu 4.6 peratus. KDNK negara pula merosot daripada -2.7 peratus pada suku ketiga 2020 kepada -3.4 peratus (suku keempat 2020).

Melalui inisiatif Rangka Tindakan Ekonomi Digital itu, 500,000 peluang pekerjaan akan dicipta dengan 30 peratus peningkatan produktiviti dalam semua sektor menjelang 2030.

Ia juga mampu menyumbang 22.6 peratus ekonomi digital kepada KDNK dengan unjuran RM70 bilion pelaburan dalam pendigitalan masa depan.

Melalui rangka tindakan itu juga, masyarakat khususnya usahawan dan peniaga perlu beralih kepada ekonomi digital melalui pelbagai inisiatif dirangka kerajaan dibahagikan kepada enam te-

ras utama, 22 strategi, 48 inisiatif nasional dan 28 inisiatif sektor.

Antaranya, menyediakan Kompas Digital disesuaikan mengikut perniagaan untuk menggalakkan penggunaan digital, memperkasa jaguh tempatan dan menggalakkan pelaburan melalui kluster industri digital.

Jalur lebar dijadikan infrastruktur asas mandatori untuk memastikan ketersediaan akses internet bagi pembangunan baharu, memperkenalkan program *Social Entrepreneurs Circle* untuk melengkapkan usahawan sosial dengan kemahiran digital dan menyediakan platform jaringan perhubungan.

Memperkenalkan program GigUp untuk melengkapkan pekerja ekonomi gig dengan kemahiran pelbagai tujuan, memperkenalkan perlindungan sosial jangka panjang dan paling penting, menyediakan platform dalam talian bertujuan meningkatkan akses oleh kumpulan mudah terjejas. Penyediaan platform dalam talian amat penting bagi membantu usahawan membabitkan diri dalam perniagaan secara maya.

Disebabkan keterbatasan pergerakan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perniagaan dalam talian menjadi semakin penting, justeru usahawan perlu mengorak langkah merebut peluang disediakan melalui Rangka Tindakan Ekonomi Digital bagi mengembangkan perniagaan, terutama usahawan muda.

Seperti selalu disebut, teknologi ialah perisai kepada 'tsunami ekonomi'. Ia berupaya menjadi perisai jika rakyat khususnya usahawan berjaya menggunakan kekuatan dan peluang dalam tek-

nologi untuk mengembangkan perniagaan khususnya era pandemik.

Apakah akan terjadi sekiranya usahawan tidak menggunakan teknologi? Ia bakal menjadi ancaman kepada usahawan berkenaan untuk mengembangkan perniagaan. Lihat saja bagaimana teknologi memberikan kesan kepada pendapatan pemandu teks dengan pengenalan perkhidmatan e-hailing.

Teknologi bakal memberikan ancaman kepada lebih banyak usahawan serta peniaga, malah ia juga bakal mencetuskan gelombang tsunami ekonomi kepada mereka yang tidak memanfaatkan kekuatan dan kelebihannya.

Tsunami ekonomi hanya boleh direndahkan melalui penggunaan semaksimum mungkin teknologi seperti dimanfaatkan Alibaba.com dan JD.com itu.

Langkah susulan kerajaan melalui pengenalan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia sekurang-kurangnya dalam jangka panjang akan membantu meningkatkan KDNK yang ketika ini disasarkan antara 6.5 hingga 7.5 peratus bagi tahun ini, selain mampu mengurangkan kadar pengangguran.

Lebih ramai usahawan digital bakal dilahirkan melalui rangka tindakan ini, seterusnya menyumbang peningkatan ekonomi negara melalui ekonomi digital kerana ia inisiatif berimpak tinggi dan perisai kepada tsunami ekonomi yang sedang menghampiri kita tanpa disedari.

Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia



**Prof Madya
Dr Anuar
Shah Bali
Mahomed**

Teknologi bakal beri ancaman kepada lebih banyak usahawan serta peniaga, malah ia juga bakal mencetuskan gelombang tsunami ekonomi kepada mereka yang tidak memanfaatkan kekuatan dan kelebihannya.